

Headline	Gadis geli geli gagal sembunyi		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	04 Feb 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	289,315
Page No	2	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	321 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,636
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,908



Gadis 'geli-geli' gagal sembunyi

Pusat persundalan degil operasi semula selepas diserbu dua bulan lalu

>>Oleh Salman Hamat
salman@hmetro.com.my

JOHOR BAHRU: Penda-patan lumayan dengan memperdagangkan tubuh wanita warga asing selain permintaan daripada pelanggan menyebabkan sebuah pusat pelacuran di Taman Sentosa di sini, kembali aktif menawarkan khidmat seks walaupun pernah diserbu, dua bulan lalu.

Bagi menawarkan khidmat seks kepada pelanggan, pengusaha menyediakan wanita warga asing bertubuh kecil berusia 21 hingga 28 tahun bagi memastikan pelanggan puas dengan layanan dibekirkan.

Bagaimanapun, kedegilan mereka membawa padah apabila serbuan polis pada jam 1 pagi semalam, menahan 10 wanita warga asing dan 10 lelaki dipercayai pelanggan serta seorang penjaga bagi membantu siasatan.

Ketika serbuan, dua daripada 10 wanita itu cuba menyorok di belakang pintu dan bawah tilam bagi mengelak dicitik oleh pihak berkuasa, bagaimanapun berjaya dihidu polis.

Semua 10 wanita ditahan itu membabitkan lapan war-



CEKUP...pelacur wanita asing dibawa menaiki trak ke IPK Johor selepas ditahan.

ga Myanmar dan dua Vietnam.

Pegawai Turus Cawangan Kongsy Gelap, Maksiat dan Perjudian (D7) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, Deputy Superintendan Mohamad Abd Hamid berkata, premis itu pernah diserbu dua bulan lalu kerana menjalankan aktiviti persundalan.

Menurutnya, menggunakan taktik sama sindiket itu tetap berdegil dan menawarkan khidmat seks gadis warga asing dengan bayaran RM120 setiap perkhidmatan.

"Sindiket terbabit menggu-

nakan dua bangunan berlainan bagi mengaburi pihak berkuasa. Premis pertama tempat pelanggan baru sampai menunggu sebelum mereka dibawa ke bilik lain untuk mendapatkan khidmat seks kira-kira 50 meter dari situ.

"Pemeriksaan dalam premis pertama mendapati, ia mempunyai bilik seperti pusat karaoke, tetapi siasatan mendapati ia hanyalah helah kerana tidak dilengkapi set karaoke, malah tiada pelanggan menyanyi ketika serbuan dilakukan," katanya.

Mohammad berkata, pihaknya terpaksa memecahkan pintu hadapan premis

berikutan keengganan penjaga premis itu bekerjasama.

Malah, pelanggan dan gadis terbabit diarahkan senyap bagi memberikan gambaran seolah-olah bangunan tidak berpenghuni.

Pemeriksaan mendapati, seorang daripada gadis terbabit pernah dicitik dalam serbuan di sebuah pusat hiburan di Taman Daya, bulan lalu.

Penjaga premis berusia 40-an dan gadis terbabit ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 372 (B) Kanun Keseksaan kerana mencari pelanggan bagi persundalan.